

09 AUG 1998

Najib-Khabar

JANGAN MUDAH TERIMA BERITA TANPA KESAHIHANNYA, KATA NAJIB

PEKAN, 9 Ogos (Bernama) -- Masyarakat perlu dididik supaya tidak mudah menerima sesuatu berita tanpa melihat kesahihannya dan mengesahkan kebenarannya terlebih dahulu, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Semasa ditemui pemberita selepas menutup Kuiz Kenegaraan peringkat daerah Pekan di sini petang semalam, beliau berkata masyarakat bermaklumat dan mempunyai keupayaan berfikir yang tinggi tidak akan mudah menerima sesuatu berita itu tanpa memastikan kebenaran berita berkenaan.

Langkah itu perlu bagi menangani keburukan pada Internet yang dapat menyebarkan maklumat dan berita yang tidak benar atau berbentuk fitnah dengan begitu cepat serta tidak dapat ditapis, katanya.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa terdapat pengkhianat yang menyebarkan khabar angin, termasuk menerusi Internet, untuk menghuru-harakan Malaysia.

Dr Mahathir berkata Internet digunakan bagi menyebarkan surat layang secara moden untuk menimbulkan rasa marah antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, berkata kementerian berkenaan akan menyelaraskan pemilihan 6,000 pelajar miskin dari luar bandar untuk menyaksikan temasya Sukan Komanwel '98 di Kuala Lumpur pada bulan depan.

"Kita akan cuba mengenalpasi pelajar-pelajar miskin yang belum pernah sampai ke Kuala Lumpur untuk memberikan mereka pengalaman yang sangat bermakna dan satu dorongan bagi mencapai kejayaan yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata program itu ditaja sepenuhnya oleh United Engineers Malaysia (UEM) yang menyediakan pengangkutan, penginapan, makanan, pakaian dan perlindungan insurans.

Najib berkata selain berpeluang menyaksikan acara-acara yang dipertandingkan, mereka juga akan dibawa melawat beberapa tempat menarik termasuk Menara Berkembar KLCC dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

-- BERNAMA

ROS AKD